

12/05/2002

Kerjasama Umno dengan Pas ikut isu

ALOR STAR: Pas tidak menganggap kerjasama dengan Umno sebagai masalah besar tetapi ia bergantung kepada isu kerana kedua-dua parti itu mempunyai dasar perjuangan yang berbeza.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata Pas tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan Umno jika isu yang dihadapi bersama itu berkaitan dengan permasalahan yang mencengkam umat Islam.

Bagaimanapun, beliau berkata, sebelum Pas memberikan kerjasama, parti itu perlu meneliti isu yang dibangkitkan.

"Kami tidak ada masalah bekerjasama tetapi ia bergantung kepada isu. Kalau Perdana Menteri memberikan contoh kerjasama dalam pendidikan seperti kepentingan mempelajari bahasa Inggeris, memang pendidikan itu penting.

"Nabi Mohamad saw pun menggalakkan umat Islam menimba ilmu, hatta hingga ke China, termasuk mempelajari banyak bahasa, "Kita perlu lihat isunya...aspek apa yang dibangkitkan," katanya ketika dihubungi Besut, Terengganu, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, Umno bersedia bekerjasama dengan Pas, termasuk dalam perkara yang melangkaui isu Palestin, asalkan ia bermatlamat bagi kepentingan orang ramai, terutama masyarakat Melayu.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, sebagai contoh, kerjasama itu boleh diadakan dalam aspek pendidikan kerana ilmu amat penting bagi rakyat, terutama penguasaan bahasa Inggeris oleh orang Melayu.

Kerjasama antara kedua-dua parti itu dilihat banyak pihak mampu diadakan selepas Dr Mahathir dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menyampaikan syarahan perdana mengenai Palestin anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, malam Rabu lalu.

(END)